



**KENYATAAN MEDIA
MENTERI EKONOMI**

STATUS TERKINI INISIATIF KEMUDAHAN RAKYAT (IKR)

Kementerian Ekonomi telah membangunkan sistem Inisiatif Kemudahan Rakyat (IKR) yang membolehkan rakyat (individu atau organisasi) mohon secara terus kepada Kementerian Ekonomi bagi pelaksanaan projek infrastruktur kecil awam di kawasan masing-masing.

Peruntukan yang disediakan adalah terhad dan perlu dibelanjakan bagi melaksanakan projek-projek yang diluluskan pada tahun 2023. Kos bagi satu projek IKR tidak melebihi RM200,000.00.

Inisiatif ini merupakan bantuan Kerajaan Persekutuan dan bertujuan untuk mendemokrasikan dana kerajaan dalam membiayai pelaksanaan projek infrastruktur kecil awam yang terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab Kerajaan Negeri dan Kerajaan Tempatan (Pihak Berkuasa Tempatan - PBT).

Kelulusan peruntukan adalah termasuk bagi membiayai projek-projek infrastruktur awam kecil yang terletak di bawah tanggungjawab Kerajaan Negeri dan PBT. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan memberi bantuan kewangan kepada Kerajaan Negeri dan PBT untuk melaksanakan projek-projek yang dipohon oleh rakyat secara terus kepada Kementerian Ekonomi melalui aplikasi IKR.

EMBARGO SEHINGGA 29 OGOS 2023, 2:00 PETANG

Kerjasama pihak Kerajaan Negeri dan PBT diperlukan bagi menentusahkan projek-projek yang dipohon oleh rakyat dan dapat melaksanakan projek-projek yang diluluskan dengan kadar segera berasaskan prinsip 'best value for money'.

Pelaksanaan IKR juga bertujuan untuk membantu kontraktor-kontraktor kecil seluruh Malaysia yang akan mendapat manfaat dari projek-projek kecil ini serta mempercepatkan pelaksanaan projek infrastruktur kecil awam di seluruh negara bagi manfaat rakyat.

Setakat 25 Ogos 2023, Kementerian Ekonomi telah menerima 3,398 permohonan, dimana 1,491 permohonan diterima dari pihak individu, 989 dari organisasi bukan kerajaan dan 918 permohonan diterima dari organisasi kerajaan, sejak dilancarkan pada 20 Jun 2023.

BIL.	NEGERI	PERMOHONAN MENGIKUT NEGERI	
		BIL. PROJEK	ANGGARAN KOS OLEH PEMOHON (RM)
1	SABAH	909	150,910,000.00
2	NEGERI SEMBILAN	559	80,590,000.00
3	SARAWAK	268	37,530,000.00
4	W.P KUALA LUMPUR	292	34,100,000.00
5	SELANGOR	278	33,580,000.00
6	PERAK	212	31,640,000.00
7	PAHANG	182	26,800,000.00
8	TERENGGANU	232	23,300,000.00
9	JOHOR	173	21,630,000.00
10	KELANTAN	112	12,850,000.00
11	KEDAH	75	9,190,000.00
12	PULAU PINANG	39	4,620,000.00
13	MELAKA	24	3,100,000.00
14	PERLIS	25	3,060,000.00
15	W.P LABUAN	8	1,250,000.00
16	W.P PUTRAJAYA	10	1,220,000.00
	JUMLAH	3,398	475,370,000.00

Ringkasan Permohonan Di Bawah Inisiatif Kemudahan Rakyat (Ikr) Yang Diterima Oleh Kementerian Ekonomi Mengikut Bilangan Dan Kos Projek (Tempoh: 20 Jun 2023 – 25 Ogos 2023)

Sebanyak 1,385 projek telah pun diluluskan dan adalah seperti berikut :

PERMOHONAN MENGIKUT SKOP PROJEK	
SKOP	BIL. PROJEK
BAIK PULIH JALAN	366
LAIN-LAIN	290
BAIK PULIH PARIT/LONGKANG/CULVERT	126
BINA BAHARU JALAN	95
BAIK PULIH SURAU/MASJID	91
BAIK PULIH GELANGGANG SUKAN	83
BINA BAHARU JAMBATAN/TITIAN/LALUAN PEJALAN KAKI/LOW LEVEL CROSSING	69
BAIK PULIH DEWAN/BALAI RAYA	66
BAIK PULIH JAMBATAN/TITIAN/LALUAN PEJALAN KAKI/LOW LEVEL CROSSING	56
BINA BAHARU GELANGGANG SUKAN	49
BINA BAHARU DEWAN/BALAI RAYA	45
BAIK PULIH HENTIAN BAS	15
BINA BAHARU TANDAS AWAM	13
BAIK PULIH TANDAS AWAM	12
BINA BAHARU HENTIAN BAS	9
JUMLAH	1,385

Senarai 1,385 permohonan telah dikemukakan kepada PBT/agensi pelaksana yang berkenaan untuk semakan sebelum penyaluran dana dibuat. Permohonan projek yang masih dalam proses semakan akan dikemukakan dalam masa terdekat sebelum dipanjangkan kepada PBT untuk pengesahan.

Sebanyak 245 permohonan telah ditolak kerana tidak memenuhi justifikasi dan syarat permohonan di bawah IKR.

Orang ramai masih boleh memohon bantuan projek-projek infrastruktur awam kecil melalui laman web IKR di alamat ***ikr.ekonomi.gov.my***.

RAFIZI RAMLI
29 OGOS 2023